

**Najib Terima Kunjungan John Kerry Sebelum GES
Bernama
11 Oct, 2013**

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menerima kunjungan hormat Setiausaha Negara Amerika Syarikat John Kerry sebelum pembukaan Sidang Kemuncak Keusahawanan Global (GES) 2013 di sini pada Jumaat.

Kerry, yang tiba di sini pada Khamis untuk lawatan dua hari, mewakili Presiden Amerika Syarikat Barack Obama, mengadakan mesyuarat dua hala dengan Najib selama kira-kira 30 minit.

Turut hadir ialah Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman dan Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Sementara itu, lawatan Kerry ke Malaysia diiringi oleh Wakil Perdagangan AS Michael Frohman, Penolong Setiausaha Negara Danny Russel dan Setiausaha Perdagangan Penny Pritzker.

Kerry sebelum itu telah menyatakan penghargaan Washington terhadap kepimpinan Malaysia yang diketuai Najib dalam membolehkan hubungan yang lebih erat dalam pelbagai bidang serta menyediakan ruang untuk perhubungan yang lebih mendalam pada masa depan.

GES kini pada tahun keempat dan diadakan buat kali pertama di Asia Tenggara.

GES pertama berlangsung Washington pada 2010 dan sejak itu telah diadakan di Istanbul, Dubai dan Emiriyah Arab Bersatu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=984858>